

Lawatan PM ke China jana potensi eksport RM3.2b

Beijing: Lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ke China yang berakhir semalam, berjaya menjana potensi eksport bernilai RM3.2 bilion, kata Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz.

Beliau berkata, ini dicapai dalam pertemuan bersama 24 buah syarikat mewakili pelbagai sektor, termasuk semikonduktor, aeroangkasa space, kenderaan elektrik, automotif serta peranti perubatan yang menyertai sidang meja bulat pada Khamis,

bersempena lawatan itu.

“Sesi itu turut disertai syarikat dalam sektor perdagangan, terutama dalam sektor produk-produk kimia, pertanian dan sebagainya,” kata beliau pada sidang media pada akhir lawatan kerja Perdana Menteri yang bermula pada 4 November lepas.

Terdahulu, Anwar yang juga Menteri Kewangan itu, turut mengadakan mesyuarat perniagaan bersama China International Capital Corp (CICC), sebuah syarikat pengurusan pelaburan

dan perkhidmatan kewangan multinasional milik negara itu.

Selain Tengku Zafrul, Perdana Menteri turut diiringi oleh Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan serta Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

Ini adalah kunjungan ketiga Anwar ke China sebagai Perdana Menteri selepas lawatan pertama pada Mac 2023 dan beriklutnya pada September tahun yang sama.

Mengulas selanjutnya Tengku Zafrul turut berkata Malaysia

meraih sejumlah pelaburan dari China dan angka sebenar akan diumumkan kelak.

“Kita tiada angka (tepat) yang boleh diumumkan (sekarang), cuma banyak projek yang sudah di tahap akhir manakala ada yang di peringkat perbincangan.

“Secara umumnya, ini menunjukkan peningkatan pada tahun ini dan kita akan umumkan dalam masa terdekat,” katanya.

China adalah rakan perdagangan terbesar Malaysia di pe-

ringkat global selama 15 tahun berturut-turut sejak 2009.

Pada 2023, nilai dagangan dengan China mencecah RM450.84 bilion (AS\$98.80 bilion) yang menyumbang 17.1 peratus perdagangan Malaysia di peringkat global dan setakat September 2024, nilai dagangan itu mencecah RM355.15 bilion (AS\$76.72 bilion).

Selain itu, pada suku pertama 2024, sejumlah 15 projek pembuatan dilaksanakan dengan pelaburan bernilai RM1.2 bilion (AS\$252.5 juta). BERNAMA